

**Rakyat Mula Sedar Perhimpunan Haram 9 Julai Ada Agenda Tersirat -  
Hishammuddin  
Bernama  
Julai 4, 2011**

**SHAH ALAM:** Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata rakyat semakin sedar apa yang diperjuangkan penganjur perhimpunan haram 9 Julai ini melangkaui tuntutan untuk suatu pilihan raya umum yang bersih dan adil.

Beliau berkata ini kerana jika ia hanya berkaitan lapan tuntutan berhubungpilihan raya, mereka boleh berbincang dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Bagaimanapun, dengan kenyataan pemimpin parti-parti tertentu, dan tangkapanpihak-pihak tertentu dengan ideologinya tersendiri, dengan gerakan dari luarnegara yang bergerak menerusi badan-badan bukan kerajaan tertentu, telah membuka mata orang ramai mengenai apa yang tersirat di sebalik (penganjuran perhimpunan haram ini)," katanya.

Hishammuddin berkata pemantauan di Internet mendapati slogan berhubungperhimpunan itu jauh terpesong daripada lapan tuntutan yang diperjuangkan.

"Maklum balas yang saya terima, ramaipun dah sedar perhimpunan Bersih bukanperkara yang boleh kita lihat sebagai satu perkara yang ringan dan remeh, danmungkin ada pihak-pihak lain yang mengambil kesempatan tanpa pengetahuanpenganjur Bersihpun," katanya selepas menutup Seminar Memperkasakan GenerasiMuda 2011 di kampus Universiti Teknologi Mara di sini Ahad.

Beliau juga berkata pihaknya sedang memantau perkembangan perhimpunan haramitu dan melihat sama ada terdapat unsur-unsur ingin menjatuhkan kerajaan sedia ada.

"Sekiranya ada unsur nak serang ataupun jatuhkan kerajaan, rakyat boleh nilai sendiri sama ada apa yang dikatakan oleh...(penganjur perhimpunan haram) itu merupakan perkara utama pada 9 hari bulan (Julai), atau adapertimbangan-pertimbangan politik," katanya.

Mengenai penahanan enam individu mengikut Seksyen 3(1) Ordinan Darurat,Hishammuddin berkata ia membuktikan pihak berkuasa melihat perhimpunan 9 Julai secara serius, dan percaya polis mempunyai sebab tersendiri mengambil tindakan sedemikian. Beliau turut ditanya mengenai permintaan 440 pertubuhan silat agarkerakyatan Datuk S.Ambiga, yang akan mengetuai perhimpunan haram itu,dilucutkan.

"Saya tengok dululah tunggu 9 haribulan Julai," katanya sambil menambahtindakan pihak berkuasa dalam menangani isu ini bukan hanya berkisar kepadaAmbiga, tetapi kumpulan lain juga kerana kerajaan lebih mengutamakan keselamatan rakyat dan negara.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia Datuk Rosnah AbdulRashid Shirlin berkata perhimpunan itu bukan untuk menuntut proses pilihan raya yang lebih adil, sebaliknya bermotifkan politik dan memberi kepentingan kepada pihak tertentu.

"Permasalahan yang diuar-uarkan adalah proses pilihan raya, sebenarnyaperkara ini boleh diselesaikan di meja perundingan, tidak perlu dibawa kedemonstrasi jalanan.

"Tetapi seperti saya katakan, ia lebih bersifat politik iaitu untuk mengalihkan perhatian masyarakat daripada kes melibatkan pembangkang, iaitu Ketua Pembangkang khususnya, dan juga apa yang berlaku di kalangan parti-parti pembangkang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bersama kepimpinan Puteri Umno negeri Sabah di Kota Kinabalu, Ahad.

Beliau turut ditanya sama ada Puteri Umno akan menyertai Pemuda pada perhimpunan patriot bagi membantah demonstrasi anjuran Bersih pada 9 Julai.

"Kita mempunyai pendekatan kita sendiri, pada saya, kita menghormati keputusan Pemuda Umno, dan kita perlu lihat juga objektif kenapa mereka bercadang atau buat keputusan melakukan bantahan pada hari tersebut, ini disebabkan cetusan yang dibuat oleh Bersih itu sendiri.

"Walaupun kita tidak bersama Pemuda Umno melakukan demonstrasi pada hari itu, tapi kita mempunyai pendekatan sendiri bagi membuat bantahan," katanya. - **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/4/mstar\\_berita/20110704100706&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/4/mstar_berita/20110704100706&sec=mstar_berita)